KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12/10/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	12 & 13
JABATAN	:	JAB.PERHUTANAN NEGERI SELANGOR			

Ceroboh hutan untuk bertani, menternak, bina rumah

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI

SHAH ALAM

EKSKLUSIF



FOTO : HALIM WAHID

JPNS mengesan pencerobohan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong.

APORAN KHAS

LAPORAN MUKA DEPAN



JPNS melaksanakan operasi bersepadu Ops Langat pada Julai lalu di kawasan hutan simpan kekal yang diceroboh.

Berbeza dengan hutan di negeri lain yang diteroka secara haram untuk tujuan pembalakan, Hutan Simpan Kekal (HSK) di Selangor 'diperkosa' oleh individu tidak bertanggungjawab untuk tiga tujuan iaitu bertani, menternak dan membina penempatan.

Demikian pendedahan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid mengenai modus operandi penebangan dan penerokaan hutan secara haram di HSK dan tanah-tanah kerajaan di Selangor.

Malah, lebih mendukacitakan, perbuatan tersebut didalangi rakyat tempatan sendiri yang sesuka hati menebang pokok demi membina rumah, bertani dan menternak.



AHMAD FADZIL

Jelas beliau, kegiatan itu berlaku sejak puluhan tahun lalu dan ia terbukti dengan penemuan struktur rumah batu dan rumah kayu, tanaman selain kandang ternakan di kawasan yang digempur Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Ahmad Fadzil berkata, terdapat 35 HSK di Selangor dengan Hutan Simpan Kuala Langat Utara, Hutan Simpan Kuala Langat Selatan serta Hutan Simpan Bukit Lagong antara lokasi panas yang sering diceroboh.

"Di Selangor, keluasan HSK dianggarkan kira-kira 253,000 hektar yang digazetkan di bawah Akta Perhutanan Negara. Warta yang ada di dalam negeri Selangor telah bermula sejak tahun 1920 dan itu rekod terawal berkenaan pewartaan hutan simpanan kekal.

"Sehingga kini baki HSK yang ada merangkumi 31 peratus daripada keluasan tanah di Selangor.

"Aktiviti penerokaan dan pencerobohan secara haram ini sebenarnya berlaku bukan sahaja di kawasan HSK, bahkan di tanah-tanah kerajaan. Jadi, tumpunan utama JPNS adalah pencerobohan di kawasan hutan simpanan kekal.

"Kebanyakan aktiviti pencerobohan dan penerokaan ini dilakukan oleh masyarakat dan penduduk setempat melibatkan kerja-kerja tanah untuk tanaman kontan, tanaman pertanian dan juga untuk menternak haiwan peliharaan.

"Perkara ini telah berlangsung sejak sekian lama dan dari masa ke masa apabila ada pencerobohan, JPNS akan menjalankan aktiviti penguatkuasaan terutamanya pencerobohan baharu.

"Bagi pencerobohan lama yang telah berlaku sejak puluhan tahun dulu, JPNS juga sedang merangka penguatkuasaan untuk cegah penerokaan berlarutan ke kawasan baharu," katanya kepada kru Rasuah Busters ketika diwawancara secara eksklusif baru-baru ini.

Beliau memberitahu, JPNS juga merancang dan melaksanakan operasi bersepadu bersama pihak berkuasa tempatan dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membantu dalam mengambil tindakan penguatkuasaan melibatkan pencerobohan yang telah lama berlaku di kawasan HSK.



JPNS melaksanakan operasi bersepadu Ops Langat pada Julai lalu di kawasan hutan simpan kekal yang diceroboh untuk dijadikan kawasan ladang kelapa sawit.

Sasar kawasan tanah subur

Ahmad Fadzil berkata, terdapat beberapa lokasi yang menjadi kawasan tumpuan penerokaan terutamanya kawasan yang berdekatan dengan penempatan penduduk.

Selain itu, tambah beliau, beberapa HSK sering jadi tumpuan pencerobohan kerana mempunyai tanah subur.

"Kalau di Selangor ini, hampir 70 hingga 80 peratus adalah kawasan tanah gambut dan subur untuk pertanian.

"Itu yang menjadi tumpuan masyarakat untuk buat pertanian. Seperti yang saya beritahu tadi, Hutan Simpan Kuala Langat Utara dan Kuala Langat Selatan adalah kawasan tanah gambut. Jadi penerokaan dari semasa ke semasa sering dilakukan masyarakat setempat tidak kira kaum dan bangsa," katanya.

Beliau berkata, berdasarkan rekod-rekod tindakan yang diambil, setiap tahun banyak jentera-jentera yang digunakan untuk penerokaan dan pencerobohan hutan simpan telah dirampas antaranya jentera pengorek, kenderaan pacuan empat roda, motosikal selain gergaji rantai.

Kata Ahmad Fadzil, dengan kegiatan pencerobohan itu, jabatan perhutanan juga akan menuntut ganti rugi daripada individu terbabit berdasarkan setiap pokok yang ditebang.

"Biasanya dengan penerokaan yang dilakukan, akan berlakunya penebangan pokok dan pembakaran. Kita akan lihat tunggul pokok yang ada, kita akan ukur dan kira ganti rugi. Contohnya mungkin nilai pokok RM2,000 dan dari segi ganti rugi di bawah akta kita, boleh kenakan sehingga 10 kali ganda nilai itu," jelasnya.

Moratorium pembalakan

Menurut Ahmad Fadzil lagi, dari segi pembalakan, negeri Selangor telah mengamalkan moratorium sejak tahun 2010.

"Sejak itu, Selangor tidak lagi mengamalkan pembalakan di kawasan hutan simpan kekal. Oleh sebab itu, kita tidak ada lagi permohonan untuk pembalakan kecuali bagi tanah milik yang hendak dimajukan," katanya.




Sebuah rumah yang didirikan di kawasan Hutan Simpan Kekal Bukit Lagong dirobohkan menerusi Operasi Bersepadu Ops Lagong pada 28 September lalu.

KEMPEN PENANAMAN 100 JUTA POKOK
Dilancarkan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021.

TEMA:
'Penghijauan Malaysia: Pokok Kita, Kehidupan Kita'

TUJUAN:
- Meningkatkan kesedaran semua pihak mengenai pentingnya kawasan litupan hijau dan hutan untuk kesejahteraan dan kualiti hidup selain usaha untuk menambah baik ekosistem dan biodiversiti negara.
- Memupuk semangat cintakan alam semula jadi melalui penanaman pelbagai jenis pokok kepada segenap lapisan masyarakat serta menyokong komitmen untuk mengekalkan litupan kawasan berhutan di Malaysia.



OBJEKTIF

- Mengekalkan kawasan hijau di seluruh negara selain memelihara serta memulihara kawasan berhutan; meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan serta memupuk semangat cintakan alam semula.
- Merakyatkan komitmen dan semangat pengekalan kawasan litupan hijau sebagai satu agenda nasional; memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan dan pokok-pokok dapat dicapai.
- Menggalakkan penyertaan agensi kerajaan persekutuan/ negeri, syarikat swasta dan badan korporat, badan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan/penyelidikan dan orang awam dalam usaha penanaman pokok.

Ceroboh hutan ketika PKP

PENGARAH Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid berkata, banyak pencerobohan berlaku sejak kebelakangan ini disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dikuatkuasakan sejak tahun 2020 akibat penularan Covid-19.

Katanya, akibat PKP maka banyak orang yang mempunyai masa terluang atau tiada pekerjaan mengambil kesempatan mencerobohi hutan-hutan.

"Tempoh PKP ini agak lama dan tidak dinafikan ada kesan baru penerokaan telah dikesan dan pencerobohan dipercayai dilakukan dengan alasan mereka tidak dapat melakukan aktiviti lain. Laporan ini diterima kita berdasarkan kerjasama awam.

"Susulan aduan itu kita akan semak untuk sahkan kejadian itu, kemudian pasukan akan turun ke tapak bagi memastikan kejadian itu berlaku di hutan simpan atau sebaliknya. Tindakan tegas akan diambil dengan menyita jentera dan penahanan individu," katanya.

Mula ceroboh kecil-kecilan

MEMPERSOALKAN adakah masyarakat sedar apa yang dilakukan mereka bila melanggari peraturan Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS), Datuk Ahmad Fadzil Abd Majid berkata, peratusan hutan simpan di Selangor hanya kira-kira 31 peratus dan tanah kerajaan pula tidak sampai 10 peratus.

"Sedar atau tidak, kebanyakan aktiviti penerokaan ini awalnya dilakukan secara kecil-kecilan. Pemahaman masyarakat dengan tanah kerajaan itu satu yang perlu kita lihat.

"Ada yang beranggapan tanah kerajaan itu hak semua, siapa-siapa pun boleh teroka dan majukan kemudian dia mohon untuk jadi tanah milik dan sebagainya. Adakah masyarakat sedar bahawa apa yag dibuat itu melanggar akta dan peraturan?

"Oleh itu, JPNS telah mengadakan program kesedaran bagi memaklumkan kepada masyarakat apa yang boleh dan tidak terutamanya di hutan simpan," katanya.

Ujar beliau, Seksyen 81 Akta Perhutanan Negara 1984 menyatakan dengan jelas aktiviti-aktiviti yang tidak boleh dilaksanakan di hutan simpan termasuklah meneroka, membajak, menebang, menternak tanpa permit dan lesen yang sah.

Katanya, jika dilakukan, mereka boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya.

"Seksyen 82 juga mengatakan bahawa tidak boleh mengadakan pembakaran. Kalau di Selangor ini kita dapati bila teroka, akan berlaku pembakaran," jelas beliau.

Amaran JPNS kepada petualang

TEGAS Ahmad Fadzil, berkaitan integriti, sebagaimana sedia maklum setiap tahun akan perbaharui akujanji bagi penjawat awam jalankan tugas dengan penuh bertanggungjawab dan integriti.

"Saya percaya pegawai saya menjalankan tugas dengan penuh integriti dan tanggungjawab. Perkara ini merupakan satu yang saya banggakan dan pencapaian bagi JPNS. Saya beri penuh harapan dan kepercayaan untuk mereka melaksanakan tugas," kata beliau.

Justeru, diingatkan kepada mana-mana pihak atau individu yang melakukan pencerobohan dan menawarkan imbuhan kepada pegawai dan kakitangan JPNS khususnya, mereka akan diambil tindakan agar perkara ini dapat dikekang dan tidak merebak.

"Pencegahan lebih baik daripada merawat. Mereka yang menawarkan imbuhan ini akan dikenakan tindakan. Kepada yang ingin menawarkan imbuhan tertentu diingatkan untuk tidak berbuat demikian," ujarnya.